

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN  
**DARIPADA** : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]  
**SOALAN** : 420

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan janji Kerajaan dalam manifesto PRU-14 baru-baru ini sukar dilaksanakan dengan memberi seribu satu alasan, termasuk keadaan kewangan negara yang terdesak serta masih menyalahkan pentadbiran Kerajaan yang lepas. Apakah pihak Kerajaan akan mengeluarkan manifesto yang baru supaya segala janji dapat ditunaikan, serta mengurangkan dosa rakyat daripada menyebarkan berita-berita yang tidak benar dan juga berita yang boleh menyakitkan hati.

**JAWAPAN:** YB DATUK WIRA MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Prestasi pencapaian Janji Kerajaan dalam manifesto bagi **10 teras dan iltizam** untuk “Membina Negara dan Memenuhi Harapan” diukur melalui status kemajuan **464 inisiatif** yang merupakan dasar dan tindakan-tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji.
2. Secara khusus sebanyak **60 Janji** dirangka berdasarkan **5 teras utama** dan **47 Janji** dinyatakan di bawah **5 iltizam khusus** yang melibatkan tempoh pelaksanaan satu hingga lima tahun.
3. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus komited melaksanakan janji yang terkandung dalam Buku Harapan. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Pakatan Harapan akur bahawa dalam memastikan janji-janji yang dibuat dapat dilaksanakan secara teratur dan mengikut undang-undang, kajian serta perancangan yang teliti perlu dibuat sekali gus memerlukan tempoh masa yang bersesuaian untuk mencapai objektifnya.